

BENQKEL ENT300

Disediakan oleh: Dr. Azrinawati Mohd Zin

Bengkel ENT300 telah diadakan pada 21 Februari 2019 bertempat di Bilik Komputer, Kompleks Perdana, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan awal mengenai silibus dan aktiviti yang berkaitan dalam kursus “Fundamentals of Entrepreneurship” (ENT300). Bengkel ini telah dihadiri oleh 24 orang pensyarah Jabatan Sains Gunaan yang terdiri daripada pensyarah bidang Kimia dan juga Fizik. Beberapa orang pensyarah daripada Jabatan Pengurusan Perniagaan (JPP) telah dijemput sebagai penceramah iaitu Dr. Mohd Subri bin Tahir, Puan Balqis binti Mohd Shariff dan Puan Nurul Hayani Abd Rahman. Bengkel ini adalah hasil inisiatif pihak JSG untuk memastikan para pensyarah JSG mendapat maklumat yang tepat dan terperinci mengenai kursus ENT300 yang perlu diambil oleh setiap pelajar diploma UiTM.

